

05/09/1997

Khazanah peruntuk RM3b

KUALA LUMPUR, Khamis - Khazanah Holding Bhd akan menyediakan peruntukan awal RM3 bilion daripada dana khas RM30 bilion bertujuan menyelamatkan ekonomi negara, pada pertengahan bulan ini.

Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, sumbangan itu akan disalurkan melalui beberapa kaedah kewangan termasuk jualan bon kerajaan secara sistem kewangan Islam dan konvensional.

Dana khas RM60 bilion itu diumumkan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam. Daripada jumlah itu, RM30 bilion disumbangkan Khazanah dan bakinya daripada sumber lain dalam negara.

Dana itu akan digunakan untuk membeli saham di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) dengan harga premium daripada pihak tempatan yang mahu menjual.

(END)